

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

NO. KENYATAAN SEBUT HARGA : BIL.PSUKPP 82/2014

1. **PELAWAAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub-kepala : **210105** bagi melaksanakan perkhidmatan berikut :-

No. Sebut Harga	Tajuk
BIL.PSUKPP 82/2014	Kerja-kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Perkakasan Dan Rangkaian Komputer Di JHEAIPP Daerah Timur Laut Tingkat 34, KOMTAR Pulau Pinang

2. **PENDAFTARAN**

Syarikat-syarikat yang ingin membeli sebut harga ini dikehendaki mendaftar melalui **e-Perolehan Negeri** di **Paras 22, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang** dan dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran asal daripada Kementerian Kewangan dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor beserta salinannya dan *business card* (salinan sijil dan *business card* tidak dikembalikan).

3. **DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 3.1 Dokumen sebut harga boleh dibeli melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>
- 3.2 Harga setiap dokumen ialah **RM10.00** senaskah. Pembayaran hendaklah dibuat melalui **Sistem e-Perolehan Negeri** di alamat url <http://ep.penang.gov.my>
- 3.3 Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. sebut harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **selewat-lewatnya pada 07 Oktober 2014 jam 12.00 tengahari** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang terletak di **Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri, Tingkat 24, KOMTAR, Pulau Pinang.**

4. **SKOP RINGKAS SEBUTHARGA**

Bil.	Item
1.	Kerja-kerja Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Perkakasan dan Rangkaian Komputer akan dijalankan di Pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) Daerah Timur Laut di Tingkat 34, KOMTAR Pulau Pinang.

PERHATIAN

Maklumat terperinci mengenai Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membekal, Menghantar, Memasang Menguji Dan Mentauliah Perkakasan dan Rangkaian Komputer di JHEAIPP Daerah Timur Laut Tingkat 34, KOMTA, Pulau Pinang **adalah seperti di dalam Dokumen Sebut Harga yang boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan Negeri di alamat url** <http://ep.penang.gov.my>